

LATIHAN 2

Tentukan **kata nama am** dan **kata nama khas** bagi ayat-ayat di bawah.

1. _____ itu bertungkus lumus mengerjakan sawahnya.

a. Nelayan

b. Petani

2. Beberapa ekor _____ bergayut pada sebatang pokok.

a. monyet

b. beruang

3. Alam persekolahan kakak bermula di _____

a. Dewan Perdana

b. Tadika Cergas

4. Kakak Faiz menggunakan _____ untuk mencedok sup yang dimasak tadi.

a. sudu

b. senduk

5. Puisi itu telah ditulis oleh _____ negara, Usman Awang.

a. sasterawan

b. hartawan

6. _____ merupakan pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

a. Sultan Mahmud

b. Profesor Kadir

7. Kakak sulung saya, _____ akan melangsungkan perkahwinan pada minggu hadapan.

a. Encik Fikri

b. Nadiah

8. Haiwan peliharaan Siti, _____ suka makan ikan dan minum susu.

a. Sang Semut

b. Si Tompok

9. _____ itu telah mengadili perbicaraan tersebut tanpa berat sebelah.

a. Hakim

b. Peguam

10. Kasut sukan berjenama _____ dijual dengan harga yang berpatutan.

a. Kamus Sari

b. Nike